

AMP buka permohonan bagi biasiswa pengajian tinggi

10 Apr 2015

Berita Harian

PERMOHONAN kini dibuka bagi biasiswa pendidikan pengajian tinggi Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Ia bernilai \$500 bagi pelajar peringkat diploma dan \$1,000 bagi pelajar ijazah, menurut AMP dalam satu kenyataan semalam.

Biasiswa itu dibuka kepada pelajar diploma sepenuh masa serta mahasiswa sepenuh masa dan sambilan di institusi pendidikan yang diluluskan.

Antara syarat kelayakan ialah pendapatan bulanan keluarga tidak melebihi \$3,500, atau pendapatan per kapita bulanan keluarga tidak melebihi \$700.

Pemohon yang sedang mengikuti pengajian ijazah sambilan harus berumur 40 tahun kebawah dan tidak mempunyai pendapatan peribadi melebihi \$3,500.

Menurut AMP, biasiswa itu bertujuan menggalak pembelajaran sepanjang hayat, selain membantu pelajar pengajian tinggi kurang bernasib baik dalam usaha mereka mendapatkan pendidikan lebih tinggi.

Ia memberi contoh Cik Syahidah Nafisah Zainuddin, 24 tahun, penerima biasiswa itu pada 2013.

Lulusan sarjana muda perhubungan dengan pengkhususan dalam kewartawanan dan pengajian perhubungan dan media dari Universiti Murdoch melalui Institut Pengajian Tinggi SMF itu kini turut menampung perbelanjaan keluarganya dan pendidikan tiga adiknya.

Borang permohonan biasiswa tersebut boleh dimuat turun daripada laman web www.amp-rfs.sg atau didapatkan dari pejabat AMP@PasirRis di 1 Pasir Ris Drive 4, #05-11 atau AMP@Jurong Point di Pusat Beli-Belah Jurong Point di Jurong West Central 2, #06-02.

Borang permohonan harus dihantar ke AMP@PasirRis. Permohonan ditutup pada 30 April.